

|                                                                                   |                                                                                                                  |
|-----------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|  | <b>KEMENTERIAN PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN SABAH (MAFFI)</b><br><br><b><u>KENYATAAN TENDER</u></b> |
|-----------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor tempatan yang berdaftar dengan **Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Sabah (PUKONSA)** seperti dibawah yang pendaftarannya masih berkuatkuasa bagi menjalankan kerja/bekalan/perkhidmatan seperti berikut:

| BIL | TAJUK PEROLEHAN / NO. RUJUKAN TENDER                                                                                                                                                                                          | SYARAT PENDAFTARAN                                                                                                                                                                                                                             | BORANG ONLINE (SILA IMBAS KOD QR)                                                                                        |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | <b>PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API) DI KAWASAN WISMA PERTANIAN SABAH BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN</b><br><br>NO. RUJUKAN: <b>MAFFI/B&amp;P/2026/01</b><br>TARAF: <b>TERBUKA</b>                             | Berdaftar dengan <b>PUKONSA</b> (Kod <b>220302</b> – Kawalan Keselamatan) dan pendaftaran masih sah semasa tarikh tutup tender; dan<br><br>Memegang lesen sah semasa tarikh tutup tender yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). | <br><br><b>HARGA DOKUMEN: RM50.00</b>  |
| 2.  | <b>PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN BANGUNAN SERTA KAWASAN DI WISMA PERTANIAN SABAH BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN</b><br><br>NO. RUJUKAN: <b>MAFFI/B&amp;P/2026/02</b><br>TARAF: <b>TERBUKA</b>                                           | Berdaftar dengan <b>PUKONSA</b> (Kod <b>220401</b> – Pembersihan Bangunan dan Pejabat; Kod <b>220402</b> – Membersih Kawasan; dan Kod <b>220403</b> - Mengangkat Sampah) dan pendaftaran masih sah semasa tarikh tutup tender.                 | <br><br><b>HARGA DOKUMEN: RM50.00</b>  |
| 3.  | <b>PERKHIDMATAN PENYEWAAN DAN PENYELENGGARAAN MESIN PENYALIN DI KEMENTERIAN PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN</b><br><br>NO. RUJUKAN: <b>MAFFI/B&amp;P/2026/03</b><br>TARAF: <b>TERBUKA</b> | Berdaftar dengan <b>PUKONSA</b> (Kod <b>220209</b> – Mesin-mesin Pejabat) dan pendaftaran masih sah semasa tarikh tutup tender.                                                                                                                | <br><br><b>HARGA DOKUMEN: RM50.00</b> |

|                                          |   |                                                                                                                                      |   |                                    |
|------------------------------------------|---|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---|------------------------------------|
| Tarikh dan Masa Penjualan Dokumen Tender | : | <b>16 MAC 2026 – 6 APRIL 2026</b>                                                                                                    |   |                                    |
|                                          | : | Isnin - Khamis                                                                                                                       | - | <b>9.00 pagi – 12.00 tengahari</b> |
|                                          | : | Jumaat                                                                                                                               | - | <b>9.00 pagi – 11.00 pagi</b>      |
| Tarikh Tutup Tender                      | : | <b>6 APRIL 2026 (ISNIN); JAM 10:00 PAGI</b>                                                                                          |   |                                    |
| Tempat Memasukkan Tender                 | : | <b>Peti Lembaga Tawaran</b><br><b>Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan,</b><br><b>Aras 8, Wisma Pertanian Sabah</b> |   |                                    |

#### **NOTA PENTING DAN MAKLUMAT RINGKAS**

- Dokumen tender dijual dan boleh diperolehi di **Seksyen Kewangan, Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan, Aras 7, Wisma Pertanian Sabah** pada masa yang ditetapkan.
- Sekiranya berminat, petender hendaklah mengisi borang Online dengan mengimbas kod QR yang disertakan. Borang yang telah siap diisi akan dihantar ke emel yang telah didaftarkan oleh petender. Petender diwajibkan untuk mencetak sendiri dan dikemukakan semasa pembelian dokumen tender.
- Dokumen hanya dikeluarkan kepada petender yang memenuhi syarat dan mengemukakan dokumen sah (PUKONSA, Lesen KDN, surat tauliah wakil jika berkenaan) semasa pembelian.
- Taklimat/lawatan tapak tidak diwajibkan. Petender boleh melawat sendiri tapak bagi mendapatkan maklumat tambahan.
- Dokumen tender hendaklah dimasukkan dalam sampul berlakri serta berlabel nombor rujukan dan dialamatkan kepada Setiausaha Lembaga Tawaran.
- Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan tidak semestinya menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.
- Maklumat lanjut, sila hubungi Seksyen Bajet dan Perolehan, Aras 8, Wisma Pertanian Sabah atau layari laman sesawang <https://maffi.sabah.gov.my/>

**SETIAUSAHA TETAP**  
**KEMENTERIAN PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN SABAH**

**“SABAH MAJU JAYA”**